

26 APR 2002

Saham-Hadiah (Bergambar)

PEMBANTU KESIHATAN DAPAT KELISA SEBAGAI PENGUNJUNG BIJAK

ALOR SETAR, 26 April (Bernama) -- Seorang pembantu Kesihatan hari ini memenangi sebuah kereta Perodua Kelisa GX setelah dipilih sebagai "Pengunjung Bijak" sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2002 yang berakhir hari ini.

Siti Khatijah Abdul Rahman, 48, dari Klinik Kesihatan Alor Janggus, Alor Setar menerima replika kunci kereta itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas beliau merasmikan penutupan minggu tersebut.

Kereta itu merupakan hadiah utama bagi pengunjung yang perlu menghantar borang penyertaan dengan menjawab soalan-soalan dan memberi slogan terbaik.

Siti Khatijah yang belum berkahwin berkata beliau mengunjungi pameran minggu itu selama dua hari berturut-turut pada Selasa dan Rabu lepas dan menghantar sebanyak 10 borang penyertaan.

Slogan daripada Siti Khatijah yang melayakkan beliau memenangi hadiah kereta itu ialah: "Segala kelebihan tiada bandingan, keuntungan pelaburan tiada saingan, kelebihan bestari tetap berpanjangan".

"Saya sendiri tidak menyangka memenangi hadiah itu," katanya.

Siti Khatijah yang telahpun memiliki sebuah kereta sebelum ini, berkata beliau akan menggunkan Kelisa itu untuk kegunaan sendiri.

Sebelum itu, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pemenang utama peraduan menulis esei saham amanah peringkat kebangsaan yang dimenangi oleh Maheran Katan dari Alor Gajah, Melaka bagi kategori umum.

Maheran menerima hadiah RM3,000 dan sijil penyertaan manakala bagi kategori sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi tiada penyertaan yang layak menerima hadiah utama.

Bagi hadiah gerai pameran terbaik keseluruhan dimenangi oleh Golden Hope Plantations Berhad dengan hadiah piala pusingan.

Sebanyak 60 buah gerai dari pelbagai syarikat dan organisasi mengambil bahagian dalam pameran minggu saham amanah kali ini.

-- BERNAMA

MNH JM NMO